

Belum terlambat kerajaan campur tangan

Oleh AQILAH MIOR KAMARULBAID
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 22 SEPT.

MASIH belum terlambat untuk kerajaan 'campur tangan' dalam usaha mempertahankan kedaulatan negara dan perpaduan antara kaum melalui sistem sekolah satu aliran.

Timbalan Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong berkata, kerajaan perlu melakukan sesuatu bagi memecahkan sentimen perkauman yang semakin menebal khususnya dalam kalangan generasi muda.

Jelasnya, kewujudan sekolah vernakular hanya akan memburukkan keadaan kerana berterusan melahirkan generasi yang cenderung mengamalkan polarisasi dalam kehidupan.

Malah katanya, Malaysia dilihat semakin hilang semangat perpaduan antara kaum apabila wujudnya masyarakat mengamalkan sikap

UTAMAKAN SEKOLAH SATU ALIRAN

➤ Sekolah satu aliran merupakan usaha yang perlu diutamakan kerajaan

➤ Keharmonian kaum di negara ini perlu bermula di peringkat

KERATAN *Utusan Malaysia* semalam.

berpuak-puak yang bukan hanya berlaku dalam arena politik negara, malah di peringkat institusi pengajian tinggi dan tempat kerja.

"Negara telah merdeka sejak 58 tahun lalu dan sepatutnya cukup matang untuk berdiri dengan bahasa rasminya. Ini tidak, bahasa yang dibawa oleh penjajah masih diagungkan.

"Masih tidak terlambat untuk negara dirikan sekolah satu aliran. Biarlah orang kata 'sesat di tengah jalan tetapi pulang ke pangkal jalan' daripada terus membiarkan negara dijajah semula oleh orang asing. Kerana itu mempertahankan perpaduan perlu segera dilakukan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas saranan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar ber-

hubung sistem sekolah satu aliran merupakan antara usaha yang perlu diutamakan oleh kerajaan bagi memastikan setiap murid daripada pelbagai kaum dapat mengenali antara satu sama lain.

Tambahnya, tujuh jenis sistem pendidikan sekolah rendah yang ada pada masa ini juga menjadi 'duri' yang menghalang penyatuan pelbagai kaum di Malaysia.

"Kewujudan sekolah swasta, persendirian Cina, antarabangsa serta belajar di rumah perlu dimansuhkan sementara sekolah kebangsaan, jenis kebangsaan dan agama digabungkan dalam sistem sekolah satu aliran.

"Belajar tanpa mengira bangsa (kaum) di dalam satu kelas akan melahirkan generasi yang menghormati agama lain, sekali gus perpaduan dapat dieratkan," ujarnya.



TEO KOK SEONG